

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **PUAN TERESA KOK SUH SIM
[SEPUTEH]**
TARIKH : **ISNIN, 18 MEI 2015**
RUJUKAN : **L1 [PR-1332-L68274]**
SOALAN :

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan bila dan sebab DBKL menjual tanah 2 ekar di lot 37890 di Jalan Radin Anum 1, Sri Petaling kepada pihak swasta. Siapakah pembeli tanah dan apakah harga penjualan tanah tersebut dan rancangan DBKL di atas tapak tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Seputeh, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur menawarkan penjualan tanah Lot 37890 kepada Tetuan Yayasan Wilayah Persekutuan pada 23 Oktober 2013 pada harga RM30,484,011.00.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga mengenakan syarat kepada Tetuan Yayasan Wilayah Persekutuan untuk menyelesaikan dan menanggung sendiri segala kos yang berkaitan dengan pemindahan dan pampasan ke atas halangan di tapak.

Tetuan Yayasan Wilayah Persekutuan bercadang untuk membina pembangunan bersepadu yang melibatkan pembinaan rumah dan komersial serta kemudahan-kemudahan yang berkaitan untuk pembeli.